



KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN		
TARIKH	:	3/8/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	: 15
JABATAN	:	PERHILITAN		

20 pemburu Harimau Malaya ditahan

Dalam serbuan yang dilakukan sejak 2011 hingga tahun lalu

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM

Kerakusan pemburuan Harimau Malaya atau Harimau Belang (Panthera tigris jacksonii) yang dilakukan warga tempatan terus dipatahkan dengan penahanan 20 individu dalam serbuan berasingan sejak tahun 2011 hingga tahun lalu.

Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (Perhilitan),

Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berkata, dengan penahanan 20 orang warga tempatan itu, pihaknya turut merampas hidupan liar terbabit berserta pelbagai anggota badan yang dipercayai akan dijual di pasaran gelap.

Menurut beliau, nilai rampasan yang direkodkan bagi tempoh terbabit berjumlah RM2.21 juta.

"Kami (Perhilitan) berjaya merampas seekor Harimau Malaya dan bahagian binatang itu seperti daging, tulang, kulit, kuku dan taring.

"Kesalahan pemburu itu di-



ABDUL KADIR

siyasat di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM500,000 dan penjara tidak melebihi lima tahun jika sabit kesalahan," katanya kepada kru Rasuah Busters pada

Isnin. Abdul Kadir menjelaskan, pelbagai program dan inisiatif penguatkuasaan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Perhilitan dengan kerjasama pelbagai agensi penguat kuasa dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam usaha mengekang kegiatan pemburuan hidupan liar ini.

Katanya, diharap ia dapat memberi mesej yang jelas kepada semua pihak bahawa kerajaan amat tegas dan komited dalam melindungi khazanah negara yang tidak ternilai ini.

"Saya minta mereka menghentikan kegiatan ini dengan segera kerana binatang liar ini (Harimau Malaya) adalah khazanah negara," tegas beliau.



Sinar, 3 Ogos 2021 15

Harimau Malaya atau Harimau Belang antara spesies yang kian diancam kepupusan akibat keralasan kegiatan pemburuan liar.

Sinar Harian pada Isnin melaporkan Abdul Kadir sebagai berkata, jumlah terbaru Harimau Malaya yang direkodkan di hutan negara kurang daripada 200 ekor dan ia mencatatkan penyusutan yang ketara.

Beliau tidak menafikan terdapat pembabit warga tempatan yang terdiri daripada kumpulan pemberi maklumat serta pemburu

haram dalam kegiatan pemburuan spesies ini.

Pada 29 Julai setiap tahun, Hari Harimau Sedunia disambut untuk memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai penurunan populasi Harimau bukan sahaja di Malaysia namun di seluruh dunia.

Tema pada tahun ini ialah 'Their survival is in our hands'.



Keratan akhbar Sinar Harian pada Isnin.